

PM ingatkan majikan jangan terlalu penting soal pangkat

UM 20 NOV 1984

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan para majikan supaya jangan terlalu mementingkan soal taraf dan pangkat bagi membolehkan mereka bekerja sebagai satu pasukan dengan pekerja-pekerja lain untuk kemajuan negara.

Perdana Menteri menegaskan, para majikan hendaklah bersedia mengurangkan perkara-perkara formaliti yang menekankan pengiktirafan pangkat dan perkara-perkara lain yang kononnya hanya eksklusif bagi mereka, jika tidak boleh mengeneapkannya.

"Tegur menegur dan pengenalan diantara satu sama lain melalui panggilan nama secara biasa hendaklah dilakukan."

"Pengurus-pengurus hendaklah menghabiskan sebahagian besar dari masa mereka di ruang pejabat am atau di tempat perniagaan," tegas Perdana Menteri ketika berucap di majlis jamuan makan malam Jubli-Perak Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, di Hotel Hilton di sini malam ini. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, jika aspek pengurusan sedemikian diambil kira, suasana harmoni dan kesejahteraan akan dapat diwujudkan.

Katanya, "Dasar Pandang Ke Timur" dalam pengurusan bergantung kepada sikap para majikan dan eksekutif.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, adalah penting

mereka (majikan) memahami apa yang kerajaan mahu mereka menumpukan perhatian.

"Adalah penting juga bagi pihak yang berkenaan mengakui hakikatnya bahawa penyerapan nilai-nilai yang terkandung di dalam etika kerja dilakukan seiring dengan falsafah pengurusan bagi mendatangkan hasil yang berkesan.

Perdana Menteri menyentuh perkara ini kerana sejak Dasar Pandang Ke Timur diputuskan oleh kerajaan, banyak yang telah diperkatakan mengenai etika kerja tetapi tidak sebanyak itu yang disentuh tentang falsafah pengurusannya.

Mengenai galakan kerajaan kepada sektor swasta, beliau berkata beberapa langkah dan strategi telah diambil bagi membolehkan sektor berkenaan memperoleh kedudukan yang lebih baik untuk mencapai hasil yang optimum.

Bagaimanapun, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir,

sektor tersebut hendaklah bertindak secara timbal balik dengan menyambut peluang-peluang yang diwujudkan.

Dasar Penswastan dan Persyarikatan Malaysia adalah di antara strategi yang digubal bagi membentuk kedudukan ekonomi yang dinamik, tambah beliau.

Sebagai majikan, tegas Perdana Menteri, "anda semua mempunyai kewajiban untuk mewujudkan keadaan yang diperlukan bagi para pekerja mencungkil kebolehan mereka".

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, dalam arus perkembangan dan perubahan yang dialami, para majikan di sektor swasta terpaksa menghadapi berbagai-bagai cabaran dan rintangan.

"Mereka bukan sahaja harus bertanggungjawab kepada tugas dengan secara dedikasi tetapi perlu juga bersedia menghadapi persaingan yang lebih hebat secara inovatif dan cekap.

"Atas kesedaran inilah

maka para majikan dan pekerja mesti pada setiap waktu bekerja sebagai satu pasukan untuk mengatasi persaingan dari negara luar," tegas Perdana Menteri.

Bagi menghadapi cabaran-cabaran berkenaan, beliau menambah hubungan di antara kedua-dua pihak majikan dan pekerja hendaklah dieratkan dengan mengemukakan sikap yang boleh dicontohi dari negara-negara maju seperti Jepun.

Bagaimanapun, tegas beliau, rakyat Malaysia tidak boleh dan tidak mampu mengamalkan sikap etika yang disalahtafsirkan oleh golongan-golongan propaganda dari negara-negara sosialis.

Menurut Perdana Menteri, ini adalah kerana Malaysia tidak sanggup mengamalkan dasar kebajikan semurhidup yang mana bantuan diberikan kepada seseorang dari "sejak ia dilahirkan hingga ke liang kubur."